

16/03/1998

Politik wang dapat dibendung

Kamarulzaman Pid

LUMUT, Ahad - Pengawasan menyeluruh dan berterusan oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno berjaya mengelak pergeseran serius dan membendung gejala politik wang sepanjang persidangan perwakilan parti itu kali ini.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata keputusan menyingkir dua ahli parti yang terbabit dengan gejala politik wang tidak lama dulu menunjukkan parti tegas agar dijadikan peringatan kepada ahlinya supaya tidak menimbulkan masalah kepada parti.

Menurutnya, beberapa tindakan tegas seperti menyingkirkan mereka yang terbabit dengan politik wang dan pengawasan MT membolehkan persidangan perwakilan kali ini berjalan lancar tanpa menimbulkan sebarang pergeseran yang memberi kesan kepada parti.

"Walaupun jumlah bahagian yang dipertandingkan bertambah tahun ini, tiada bahagian yang disabitkan dengan masalah yang besar dan semuanya berjaya diatasi di peringkat bahagian oleh ahli MT yang dilantik," katanya selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Lumut di sini, hari ini.

Hadir sama Ketua Umno bahagian Lumut, Datuk Mohd Wajdi Ishak dan perwakilan Umno dari 32 cawangan .

Sabbaruddin berkata, walaupun pihaknya menerima banyak aduan berhubung amalan politik wang yang didakwa diamalkan oleh pihak tertentu, sebahagian besarnya tidak berasas kerana pihak yang melaporkan tidak berani mengakuinya secara bertulis.

"Ini termasuk tidak ditandatangani dan kita menganggapnya sebagai surat layang kerana ia bertujuan menjatuhkan seseorang," katanya.

Beliau berkata, jawatankuasa teknikal parti itu terpaksa mengadakan mesyuarat dua hingga tiga kali seminggu bagi membincangkan aduan dan laporan yang semakin banyak diterima.

Menurutnya, jumlah bahagian yang semakin banyak diawasi oleh ahli MT tidak menunjukkan peningkatan jumlah bahagian yang bermasalah tetapi lebih kepada usaha mengelak timbulnya masalah di bahagian terbabit.

"Pengawasan hanyalah tindakan awal dan tidak bermakna bahagian itu sedang menghadapi masalah besar, tetapi dalam pada kita mengawasi bahagian tertentu, ada juga yang menimbulkan masalah," katanya.

Sabbaruddin berkata, setakat ini 31 bahagian sedang diawasi termasuk empat bahagian lagi yang diumumkan MT semalam iaitu Senai, Sabak Bernam, Jelevu dan Jelutong.

Terdahulu berucap pada majlis itu, Sabbaruddin berkata, Umno bahagian Lumut boleh dijadikan contoh kerana berjaya mengelak pertandingan dalam persidangan perwakilan kali ini.

"Adalah wajar semua bahagian mematuhi nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengelak pertandingan di peringkat tertinggi dalam bahagian.

"Apa yang penting, Umno bukan saja kuat di peringkat bahagian malah mampu menang dalam pilihan raya umum nanti," katanya.

Beliau juga menasihatkan ahli Umno di sini aktif dalam industri pelancongan terutama di Lumut dan Pulau Pangkor yang berpotensi untuk dimajukan sebagai destinasi pelancongan utama di negara ini.

(END)